

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 7
 RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kematian ke-3 babit kluster tabligh

12 kes pulih,
 dibenar
 keluar hospital

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi,
 Muhammad Yusri Muzamir
 dan Fahmy A Rosli
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia mencatatkan kematian ketiga akibat wabak COVID-19 petang semalam, membabitkan kes ke-152 daripada kluster jemaah tabligh.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata mangsa yang juga lelaki tempatan berusia 58 tahun itu dimasukkan ke Hospital Tawau, Sabah, pada 9 Mac lalu kerana mengalami simptom 'Severe Acute Respiratory Infection'.

Beliau berkata, mangsa diberi bantuan mesin pernafasan dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari sama.

"Kesihatan beliau merosot hari demi hari dan disahkan meninggal dunia pada jam 6.27 petang tadi (semalam). Takziah diucapkan kepada keluarga arwah," ka-

tanya menerusi status di Facebooknya, malam tadi.

Dua kes kematian pada Selasa lalu membabitkan kes ke-178 dan ke-358.

Kes ke-178 membabitkan seorang lelaki tempatan di Johor Bahru yang menghadiri satu perhimpunan tabligh di Seri Petaling baru-baru ini, manakala kes ke-358 membabitkan seorang lelaki berusia 60 tahun di Kuching, Sarawak.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan (KKM) semalam mengesahkan 12 kes COVID-19 pulih dan dibenarkan keluar hospital.

Dr Noor Hisham berkata, ia menjadikan bilangan pesakit pulih sebanyak 87 kes.

Bagaimanapun, katanya, sebanyak 130 kes baharu dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, sekali gus menjadikan jumlah kes positif COVID-19 meningkat kepada 1,030.

"Berdasarkan siasatan awal, 48 daripada 130 kes baharu dilaporkan hari ini (semalam), berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling.

"Sehingga kini, seramai 26 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan

memerlukan bantuan pernafasan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham turut menasihatkan orang ramai untuk kekal aktif, sama ada melalui senaman atau aktiviti fizikal, sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang ber-

kuat kuasa hingga 31 Mac ini.

Katanya, pelbagai senaman boleh dilakukan di rumah, antaranya berbentuk kardio bagi yang mempunyai basikal senaman atau 'treadmill' (sawat injak).

Beliau berkata, orang ramai diminta menghubungi 'virtual health advisory' jika tidak sihat,

selain mengikuti sesi Webinar menerusi pautan <http://www.doctoroncall.com.my/coronavirus>, pada jam 9 pagi setiap hari.

"Orang awam juga boleh menghubungi talian Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC). Maklumat lanjut kejadian COVID-19 di Malaysia boleh didapati melalui saluran telegram CPRC di <https://t.me/cprckkm>," katanya.

Dalam kenyataan berasingan, Dr Noor Hisham memaklumkan 12 petugas kesihatan awam dijangkiti COVID-19, termasuk seorang dirawat di ICU dan memerlukan bantuan mesin pernafasan.

Beliau berkata, turut dijangkiti ialah tiga kakitangan perubatan swasta.

"Virus ini tidak mengenal sempadan, tanpa mengira status bangsa, agama atau nilai harta anda, tambahan lagi jika anda seorang petugas kesihatan di barisan hadapan medan perang ini. Pesanan ringkas kami kepada orang ramai pada hari ini - bantu kami untuk membantu anda. Duduk di rumah," katanya.

Dr Noor Hisham turut merayu orang ramai tidak menyembunyikan maklumat hingga menimbulkan risiko kepada nyawa.

Sedia panggil pesara doktor

Kuala Lumpur: Kerajaan bersedia memanggil semula doktor perubatan yang bersara atau pegawai perubatan berkhidmat dalam angkatan tentera, sekiranya berlaku peningkatan mendadak kes COVID-19 di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata langkah itu hanya dilakukan apabila permintaan doktor perubatan sedia ada, dalam usaha meningkatkan sistem penjagaan kesihatan negara.

"Sekiranya berlaku pertambahan kes seperti di negara luar yang mendadak, kita tidak ada alasan untuk (tidak) panggil balik doktor yang sudah pencen dan doktor angkatan tentera untuk

bantu kita," katanya ketika menjadi tetamu program *Bicara Naratif* bertajuk COVID-19: Ambil Tahu & Bertindak Segera yang disiarkan secara langsung di TV1, kelmarin.

Bagaimanapun, Dr Adham berkata negara kini masih mempunyai keupayaan doktor perubatan yang mencukupi bagi mengawal kes berkaitan COVID-19 dan masalah kesihatan yang lain termasuk usaha kementerian menempatkan 1,000 doktor pelatih di 44 hospital kerajaan seluruh negara bagi membantu melicinkan operasi harian, susulan penularan COVID-19, sekali gus meredakan bebanan doktor sedia ada.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL



KERAJAAN bersedia memanggil semula doktor perubatan yang sudah bersara atau pegawai perubatan yang berkhidmat dalam angkatan tentera sekiranya berlaku peningkatan mendadak kes Covid-19 di negara ini.



Oleh Sri Ayu Kartikawati Amri dan Yusmizal Dolah Aling am@hmetro.com.my

130 KES BAHARU

48 berkaitan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling

Kuala Lumpur

Sejumlah 130 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan sehingga jam 12 tengah hari semalam menjadikan jumlah keseluruhan 1,030 kes di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham

Abdullah berkata, berdasarkan siasatan awal, daripada 130 kes baharu yang dilaporkan itu, sebanyak 48 kes berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling. "Selama tempoh penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan, orang

ramai diminta untuk berada di rumah.

"Walaupun tinggal di rumah, rakyat Malaysia disarankan untuk kekal aktif sama ada melalui senaman atau aktiviti fizikal," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, rakyat Malaysia juga boleh kekal aktif dengan melaku-

kan pelbagai bentuk tarian dan mengambil peluang untuk melakukan *spring cleaning* di dalam rumah.

Menurutnya, kajian menunjukkan senaman dan aktiviti fizikal adalah penting untuk mengekalkan kesihatan mental dengan meningkatkan *mood* dan melegakan kebimbangan dan keresahan.

Katanya, ia juga membantu mengasah minda, meningkatkan kekuatan otot dan kekuatan aerobik.

"Sekiranya tidak sihat, hubungi *virtual health advisory* dan ikuti sesi Webinar yang akan diadakan setiap hari bermula pada jam 9 pagi melalui pautan www.doctoroncall.com.my/coronavirus," katanya.

12 anggota KKM dijangkiti

Kuala Lumpur: Seramai 12 petugas kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan tiga daripada sektor kesihatan swasta dijangkiti virus Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seorang daripada 12 kakitangan KKM terbabit kini berada di unit rawatan rapi (ICU) dan memerlukan bantuan pernafasan.

Menurutnya, virus berkenaan menyerang sesi-

apa sahaja, tidak mengenal sempadan, tanpa mengira status bangsa, agama atau nilai harta.

"Tambahkan lagi jika anda seorang petugas kesihatan di barisan hadapan medan perang ini.

"Pesanan ringkas kami kepada orang ramai pada hari ini: Bantu kami untuk membantu anda.

"Duduk di rumah," katanya menerusi kenyataan yang disiarkan menerusi akaun Facebook beliau di sini, semalam.



DR Noor Hisham

Jujur beri maklumat diri

Kuala Lumpur: "Saya merayu kepada orang ramai dan pesakit untuk jujur dan tidak menyembunyikan maklumat hingga menimbulkan risiko kepada nyawa dan fasiliti kami," kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Beliau turut menggesa orang ramai dan pesakit supaya jujur dalam memberikan sejarah dan hubungan rapat mereka.

Katanya, pihaknya mengalami beberapa insiden pada minggu ini di mana pesakit menyembunyikan hubungan atau gejala mereka menyebabkan ia berisiko kepada orang lain.

"Sejarah perjalanan dan maklumat hubungan rapat, contohnya yang dikaitkan dengan perhimpunan ijtima tabligh di Masjid Seri Petaling juga tidak didedahkan.

"Hanya selepas prosedur dan rawatan klinikal selesai, maklumat kritikal terbabit didedahkan. Pada masa itu, keselamatan pe-



adalah satu jenayah sekiranya anda tidak mendedahkan atau menyembunyikan maklumat"

Dr Noor Hisham Abdullah

tugas kesihatan dan fasiliti kami sudah terjejas.

"Adalah satu jenayah sekiranya anda tidak mendedahkan atau menyembunyikan maklumat," katanya menerusi laman Facebook.

Sebelum ini tular di laman sosial mengenai orang ramai yang bimbang dengan mereka yang sengaja tidak memberikan maklumat tepat sehingga membahayakan nyawa individu lain.

Ia susulan perhimpunan jemaah tabligh di Masjid Seri Petaling yang mencatatkan jumlah positif Covid-19 yang tinggi setakat ini.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : LOKAL

RINGKAS

KKM sahkan korban ketiga Covid-19

Kuala Lumpur: Seorang jemaah tabligh menjadi korban ketiga Covid-19 di negara ini selepas disahkan meninggal dunia akibat virus itu, petang semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lelaki berusia 58 tahun itu adalah dari kluster jemaah tabligh.

"Beliau sudah dimasukkan ke Hospital Tawau pada 9 Mac 2020 dengan mengalami simptom Severe Acute Respiratory Infection (SRI).

"Beliau juga sudah diberi bantuan mesin pernafasan dan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari yang sama," katanya menerusi Facebook rasminya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, kesihatan beliau merosot hari demi hari dan disahkan meninggal dunia pada jam 6.27 petang.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

M'sia records third casualty

Tabligh participant from Tawau dies of Covid-19

KOTA KINABALU: A 58-year-old tabligh member from Tawau has become the third Malaysian to die of Covid-19, as the number of infections breached the 1,000 mark.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the man died at Tawau Hospital at 6.27pm yesterday.

He was warded on March 9 for severe acute respiratory infection

and was placed in intensive care.

The patient, who was the country's 152nd confirmed case, was among those who returned from a tabligh gathering at the Masjid Jamek in Sri Petaling recently.

A total of 130 new cases were recorded in the country yesterday, raising the national tally to 1,030 as at noon yesterday.

Dr Noor Hisham said 12 patients

were discharged yesterday, bringing the total recoveries to 87 cases.

"A total of 26 positive Covid-19 patients are being treated in the intensive care unit and need ventilators," he said in a statement.

Dr Noor Hisham said based on preliminary investigations, 48 of the 130 new cases were linked to the tabligh gathering.

The majority of Covid-19 cases

recorded in the country have been from the tabligh cluster.

Dr Noor Hisham said that 12 ministry healthcare workers and three from the private healthcare sector had been infected by Covid-19.

"One of the 12 workers is in ICU on ventilator support. Please help us to help you. Stay at home," he told the public.



'Reveal travel history and close contacts'

PETALING JAYA: The public must be truthful in disclosing their travel history and close contacts concerning the Covid-19 pandemic, says Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

He expressed concern about several cases where Covid-19 patients deliberately hid critical information from healthcare workers.

"We had a few incidences this week where patients concealed their contacts or symptoms.

"Travel history and close contact information, for example, those linked to the tabligh gathering in Seri Petaling mosque were also not being revealed.

"Only after clinical procedures and treatment were completed that such critical information was disclosed," he said.

By then, Dr Noor Hisham said the safety of healthcare workers and the facilities were compromised.

"I appeal to the public and patients to please be truthful and not to hide information and risk our lives and facilities," he said in a Facebook posting.

A doctor shared on Twitter on Thursday that a man lied at a public health clinic about attending the tabligh gathering before being tested positive for Covid-19.

This led to all the medical staff in contact with him to be quarantined as they could be infected.

States show efforts to adhere to MCO

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : STORY OF THE DAY

4 | NEWS / Story of the day

COVID-19 OUTBREAK UPDATE

130 NEW CASES, 48 LINKED TO TABLIGH EVENT

12 more cases have recovered, while 29 are being treated in ICU as total tally rises to 1,030 cases

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry announced 130 new cases of Covid-19 yesterday, bringing the tally to 1,030.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said initial investigations revealed that 48 of the new cases were linked to the tabligh gathering at the Seri Petaling Mosque, while 29 cases were from different clusters and 53 were under investigation.

He said 12 more cases had recovered and were discharged yesterday, bringing the total number of recovered cases to 87.

"To date, 26 Covid-19 cases are being treated at the Intensive Care Unit (ICU) and need ventilator support."

There were 110 new cases on Thursday, 117 on Wednesday, 120 on Tuesday, 125 on Monday and 190 on Sunday.

Dr Noor Hisham repeated his call for the public to heed the 14-day Movement Control Order until March 31 and to stay at home to contain the spread of Covid-19.

"In this period, Malaysians can stay active at home through exercise or physical activities."

This, he said, included doing cardio exercises using the cycling machine and treadmill, as well as doing push-ups, squats, planks, burpees and lunges, or Tabata exercise and light exercises like yoga and tai chi.

"Malaysians can also stay active through dancing and spring cleaning at home."

He said the public could also attend a webinar that starts at 9am daily at www.doctoroncall.com.my/coronavirus.

Information on Covid-19 is also available through the ministry's Crisis Preparedness and Response Centre. The public can also follow updates on the Telegram application at <https://t.me/cprckkm>.

Earlier, Dr Noor Hisham said 12 Health Ministry healthcare workers and three from the private sector had been infected with Covid-19 up to Friday.

He said one of the ministry's staff was admitted to ICU and was on ventilator support.

"This virus knows no bound-



Masjid Negara imam Muhammad Afif Jamal leading Zohor prayers with bilal at Masjid Negara in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY ASYRAF HAMZAH

aries, regardless of your race, religion or wealth status, even more so if you are a healthcare worker at the frontline of this war.

"Our simple message to the public today: Please help us to help you. Stay at home," he said on Facebook yesterday.

He urged members of the pub-

lic who sought medical treatment against concealing the truth regarding their close contacts and travel history.

"We had a few incidents this week where patients concealed their contacts and/or symptoms."

"Travel history and close contact information, for example,

those linked to the jemaah tabligh gathering at the Seri Petaling Mosque were not being revealed.

"Only after clinical procedures and treatment were completed that such critical information was disclosed. By then, the safety of our healthcare workers and facilities had been jeopardised."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : STORY OF THE DAY



✓ Sabahan from tabligh cluster is 3rd death

KUALA LUMPUR: Malaysia has recorded its third Covid-19 death, the Health Ministry announced last night.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the patient, a 58-year-old man from Tawau, Sabah, was from the tabligh gathering cluster and was pronounced dead at 6.27pm.

In a Facebook post, Dr Noor Hisham said the man, Case 152, was admitted to Tawau Hospital on March 9 and showed severe acute respiratory infection symptoms.

"He was aided by breathing ventilators and warded in the Intensive Care Unit on the same day.

"His health deteriorated day by day and he was pronounced dead on Friday (yesterday) at 6.27pm."

"My condolences to his family," he said.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Langkah lebih ketat jika Covid-19 terus merebak

KERAJAAN MUNGKIN TERPAKSA ISYTIHAR DARURAT

KERAJAAN akan melaksanakan langkah lebih ketat termasuk mengisytiharkan darurat jika rakyat Malaysia gagal mematuhi arahan supaya duduk di rumah sehingga menyebabkan wabak koronavirus Covid-19 terus menular di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, wabak itu dianggap berjaya dikekang hanya jika tiada kes baharu dicatatkan apabila Perintah Kawalan Pergerakan itu berakhir pada 31. Mac ini.

KES COVID-19 DI MALAYSIA

1,030	130	3	87
JUMLAH KES	KES BAHARU	KES KEMATIAN	KES PULIH


“ Tetapi sekiranya mereka (rakyat) tidak boleh lakukan tanggungjawab itu, berkemungkinan kita terpaksa mengisytiharkan darurat seperti yang dilaksanakan di negara China dan ini mungkin tidak digemari oleh masyarakat.”

- Kata Dr Adham Baba dalam wawancara eksklusif bersama Sinar Harian semalam



Sinar Ahad

Wawancara penuh dengan Dr Adham Baba akan disiarkan dalam Sinar Ahad esok



Pemandangan udara di kawasan sekitar Lebuhraya Sungai Besi, Kuala Lumpur di kedua-dua arah menunjukkan jalan lengang ketika tinjauan foto Bernama semalam.

LAPORAN PENUH 21 HALAMAN, MUKA 2 HINGGA 25

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Elak darurat seperti di China

Ekoran kes Covid-19 di Malaysia terus meningkat kepada 1,030 kes semalam

Oleh ZUKI PILEH dan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

PUTRAJAYA

Kerajaan mungkin terpaksa mengisytiharkan perintah darurat seperti yang dilaksanakan di China sekiranya penularan wabak koronavirus Covid-19 tidak dapat dibendung dalam tempoh 14 hari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, wabak itu dianggap berjaya dikekang hanya jika tiada kes baharu dicatatkan apabila perintah kawalan itu berakhir pada 31 Mac ini.

"Kita perlu beritahu rakyat agar mereka mematuhi perintah tersebut. Jangan ada yang ingkar dengan arahan duduk di rumah supaya penularan tidak berlaku.

"Tetapi jika mereka tidak boleh melaksanakan tanggungjawab tersebut, mungkin kita terpaksa isytiharkan darurat seperti yang dilaksanakan di negara China dan ini mungkin tidak digemari oleh masyarakat," kata beliau dalam wawancara eks-



Suasana lengang di ibu kota Kuala Lumpur berbanding hari biasa susulan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan yang memasuki hari ketiga semalam.

klusif bersama *Sinar Harian* di sini kelmarin.

Menurut Adham, kes baharu Covid-19 yang kini memasuki gelombang kedua terus meningkat kepada 1,030 kes dengan 130 kes baharu dicatatkan semalam.

"Setiap hari ada kes baharu dan grafnya menaik," ujar beliau.

Dalam wawancara itu, Dr Adham turut melahirkan kebimbangan kemungkinan berlaku gelombang ketiga wabak yang lebih dahsyat lagi.

Menurut beliau, gelombang ketiga itu dipicu oleh sikap segelintir rakyat Malaysia yang enggan menjalani saringan sedangkan mereka berisiko positif Covid-19. Ini termasuk ahli jemaah tabligh yang menghadiri

perhimpunan di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Negara maju seperti Itali sendiri mempunyai enam gelombang. Kalau kita tidak sekat lebih awal, kita akan berdepan dengan gelombang ketiga yang ibarat tsunami.

"Tsunami ini berlaku ekoran rakyat panik dan cuba keluar ke stesen bas dan pusat pengangkutan awam (untuk balik kampung) sejourus kerajaan isytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan.

"Apabila berkumpul, bermakna ruang untuk Covid-19 disebarkan adalah lebih kuat. Sama juga dengan mereka yang ada di Masjid Sri Petaling. Tidak ada penjarakkan sosial yang berlaku. Mereka duduk rapat-rapat. Ini yang kita katakan boleh jadi tsunami selepas gelombang



DR ADHAM

kedua," terang beliau. Dr Adham yang berpengalaman selama lebih 30 tahun sebagai doktor perubatan memberitahu, Covid-19 adalah virus yang sangat berbahaya malah mungkin lebih bahaya berbanding virus Ebola dan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) kerana kesannya lebih parah terutamanya dari segi jumlah kematian.

"Covid-19 akan berterusan jadi wabak yang besar di seluruh dunia, mungkin akan ada banyak kematian. Kita sudah tahu di China banyak kematian, di Itali kematian mendadak, di Sepanyol, Korea Selatan dan Iran.

"Di Malaysia, sudah ada ada tiga orang meninggal dunia. Kalau kita tak akur dengan perintah kerajaan, apa lagi kita boleh buat?" soal beliau.

China merekodkan sejumlah 81,029 kes positif Covid-19, dengan penurunan mendadak kes baharu sejak darurat diisytiharkan pada 19 Januari lalu.

Seramai 56 juta penduduk di beberapa buah bandar di China terjejas apabila operasi pengangkutan awam, premis perniagaan, dan sekolah ditutup. Pergerakan penduduk juga diawasi oleh pihak berkuasa dengan menggunakan platform media sosial dan dron.

>>> WAWANCARA PENUH BERSAMA MENTERI KESIHATAN, DR ADHAM BABA AKAN DISIARKAN DALAM SINAR AHAD ESOK

6,000 jemaah tabligh bahayakan anak, isteri

PUTRAJAYA - Kira-kira 6,000 jemaah tabligh yang belum melakukan saringan Covid-19 berisiko menyebarkan virus maut itu kepada ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak mereka. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, setakat kelmarin hanya 8,000 daripada 16,000 jemaah tabligh yang menyertai perhimpunan di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur tampil melakukan saringan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 14,500 orang merupakan rakyat tempatan manakala lebih 1,500 jemaah dari luar negara.

"Daripada hampir 8,000 jemaah tabligh yang sudah kita saring, lebih 500 orang positif Covid-19," kata beliau.

Tambahnya, saringan itu perlu dilakukan kerana dalam sesetengah kes Covid-19, pesakit tidak menunjukkan gejala seperti demam dan sakit kepala, menyebabkan virus itu merebak kepada anggota keluarga tanpa disedari.

"Untuk makluman, jemaah tabligh ini sudah cetuskan generasi kedua wabak. Maknanya, kalau si bapa hadir program tabligh berkenaan, Covid-19 ini mungkin sudah ada dalam tubuh anak dan isteri mereka," ujar beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Angka positif kini cecah 1,030 kes

Jumlah kematian di Malaysia meningkat kepada tiga orang semalam

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA



Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada wabak Covid-19 adalah sebanyak 87 kes.”

- Dr Noor Hisham

Hisham Abdullah berkata, bilangan pesakit yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) turut bertambah.

“Daripada jumlah itu, seramai 26 dirawat di ICU dan memerlukan bantuan pernafasan,”

Mangsa ketiga meninggal dunia di Hospital Tawau

PUTRAJAYA - Seorang lagi pesakit koronavirus (Covid-19) di Malaysia disahkan meninggal dunia di Hospital Tawau, Sabah petang semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham berkata, pesakit itu adalah daripada kluster perhimpunan tabligh di Masjid Sri Petaling, Kuala Lumpur baru-baru ini yang menghembuskan nafas terakhirnya pada jam 6.27 petang.

“Pesakit merupakan kes ke-152 direkodkan dan dimasukkan ke Hospital Tawau pada 9 Mac 2020 setelah mengalami simptom Severe Acute Respiratory Infection (SARI),” katanya.

Menurutnya, lelaki berusia 58 tahun itu diberi bantuan mesin pernafasan dan dima-

sukkan ke unit rawatan rapi (ICU) pada hari yang sama.

“Kesihatannya merosot hari demi hari dan telah disahkan meninggal dunia. Takziah diucapkan kepada keluarga arwah,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kes kematian itu dilaporkan ke Pusat Ke-siapsiagaan dan Tindak Cepat Kebangsaan (CPRC) Kementerian Kesihatan sekali gus menjadikan jumlah korban Covid-19 seramai tiga orang.

Selasa lalu, dua kematian pertama dilaporkan melibatkan seorang paderi di Hospital Umum Kuching dan seorang peserta perhimpunan tabligh di Hospital Sultanah Aminah, Johor.

Angka pesakit koronavirus (Covid-19) di seluruh negara kini melepasi 1,000 apabila sebanyak 130 kes baharu direkodkan semalam.

Ia menjadikan jumlah kumulatif positif sebanyak 1,030 kes, sekali gus meletakkan Malaysia di kedudukan keempat paling tinggi kes di Asia.

Kes di Malaysia juga telah melepasi Jepun dengan 963 kes setakat ini dan berada di belahkang Korea Selatan (8,652), Iran (19,644) dan China (80,967 kes).

Jumlah kematian di Malaysia juga meningkat kepada tiga orang apabila seorang lagi yang disahkan positif Covid-19 disahkan meninggal dunia semalam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor

katanya.

Menurutnya, daripada 130 kes baharu yang dilaporkan, sebanyak 48 kes adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Sri Petaling, Kuala Lumpur.

“Bagaimanapun, Kementerian Kesihatan (KKM) ingin memaklumkan terdapat 12 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini (semalam).”

“Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih

sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 87 kes,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, orang awam yang tidak sihat boleh menghubungi *virtual health advisory* dan mengikuti sesi Webinar yang akan diadakan setiap hari bermula pada jam 9 pagi melalui pautan <http://www.doctoroncall.com.my/coronavirus>.

Selain itu, Dr Noor Hisham


turut menasihatkan orang ramai supaya kekal aktif meskipun berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan.

“Pada masa kini terdapat pelbagai senaman di rumah yang boleh dilakukan, contohnya *kardio, push-ups, squats, planks, burpees* dan *lounges* (yang menggunakan pelbagai otot tanpa memerlukan peralatan khusus) serta senaman tabata dan senaman ringan seperti yoga atau tai chi,” katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



JUMLAH KESELURUHAN:	1,030	PULIH:	87	ICU:	26	KEMATIAN:	3
JUMLAH KES BAHARU DILAPORKAN SETIAP HARI							



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 900 kes kepada 1,030 kes

Dikemas kini pada 5 petang 19 Mac 2020